UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1986/87

AKP301 - Perakaunan Kewangan III

Tarikh: 8 April 1987 Masa: 2.15 ptg - 5.15 ptg
( 3 Jam )

---

JAWAB DUA SOALAN SAHAJA DARIPADA EMPAT SOALAN DALAM BAHAGIAN A DAN SEMUA SOALAN DALAM BAHAGIAN B.

BAHAGIAN A

1. Terangkan perbezaan diantara syarikat perseorangan, syarikat perkongsian dan syarikat awam.

(5 markah)

2. Huraikan kuasa pembubar dalam penutupan sesebuah syarikat:

   (a) di bawah perintah mahkamah dan

   (b) dalam penutupan secara sukarela.

(5 markah)

3. Bincangkan beberapa alasan kenapa syarikat induk mungkin bersedia membayar lebih daripada nilai buku untuk ekuiti subsidiari yang diambil alih.

(5 markah)

4. Huraikan tujuan akaun-akaun yang digunakan dalam penerbitan saham-saham.

(5 markah)

...2/-

BAHAGIAN B

5. Berikut adalah cabutan kunci kira-kira Fan Yin Shiang Berhad seperti pada Disember 31, 1985.

| | | $ |
|---|---|---|
| **Modal Dibenarkan** | | |
| 300,000 Saham Biasa $1 | | 300,000 |
| 100,000 12% Saham Terutama Penebusan Tanpa Kumulatif $1 | | 100,000 |
| | | 400,000 |
| **Modal Diterbitkan & Modal Berbayar** | | |
| 250,000 Saham Biasa $1 dibayar 50 sen | | 125,000 |
| 50,000 12% Saham Terutama Penebusan Tanpa Kumulatif dibayar penuh | | 50,000 |
| **Rizab** | | |
| Rizab Saham Premium | | 25,000 |
| Rizab Penilaian Semula Aset | | 30,000 |
| Keuntungan Tidak Diasingkan | | 85,000 |
| Rizab Am | | 35,000 |
| **Liabiliti** | | |
| Dividen Akhir Belum Bayar | | |
| 12% Saham Terutama Penebusan Tanpa Kumulatif | 3,000 | |
| Saham Biasa | 12,000 | |
| | 15,000 | 15,000 |

...3/-

Urusniaga berikut berlaku dalam tahun:

1986:

| | | |
|---|---|---|
| Januari | 15: | Panggilan ke atas saham biasa 25 sen se saham. Wang daripada 23,000 saham diterima. Lembaga Pengarah telah membuat keputusan melelapkan saham-saham yang tidak membayar wang panggilan. |
| Januari | 22: | Dividen akhir terutama dan biasa dibayar. |
| Februari | 15: | Penglelapan saham-saham biasa. |
| Februari | 28: | Penerbitan semula saham-saham biasa yang dilelapkan dianggap sebagai dibayar 75 sen se saham selepas pembayaran 60 sen se saham. |
| Mac | 1: | Baki akaun saham dilelapkan dipulangkan kepada pemegang-pemegang saham terdahulu. |
| Mac | 10: | Perbelanjaan permulaan sebanyak $6,500 dihapuskan dengan menggunakan rizab saham premium. |
| April | 19: | Setengah daripada saham terutama telah ditebus daripada keuntungan tidak diasingkan atas 2% permium. |
| Mei | 16: | Sebuah aset tetap telah diturunkan nilai daripada $150,000 kepada $120,000. Aset tersebut tidak dinilaikan semula terdahulu. |
| Jun | 1: | Prospektus telah diterbitkan bagi mempelawa permohonan untuk 5,000 $10 15% debentur atas 10% premium. Bayaran $50 adalah semasa permohonan dan bakinya termasuk premium adalah semasa perumpukan. Terbitan tersebut telah ditanggung dengan komisyen $5,500. |

...4/-

| | | |
|---|---|---|
| Jun | 12: | Wang permohonan diterima untuk 6,000 debentur. |
| Jun | 15: | Debentur diperumpukan dan wang lebihan telah dipulangkan. |
| Jun | 25: | Kesemua wang perumpukan telah diterima. Komisyen penanggung dibayar. |
| Jun | 29: | Dividen antaraan 5 sen se saham biasa diisytiharkan dan dibayar. Dividen antaraan juga dibayar kepada pemegang saham terutama. |
| Disember | 30: | Premium debentur diperuntukan atas asas garis lurus selama 5 tahun dengan setengah tahun diperuntukan kepada jangkamasa 1986. |
| Disember | 31: | Keuntungan kendalian sebelum cukai $40,000. Kadar cukai ialah 45%. Dividen akhir akan diambil kira sebanyak $14,400 (termasuk dividen terutama).<br>$8,000 adalah dipindahkan kepada rizab am. |

<u>Dikehendaki:</u>

Catitan jernel bagi merekod urusniaga di atas.

(20 markah)

...5/-

6. Lembaga Pengarah Vijayalaxmi Berhad, selepas mendapat kelulusan yang perlu, mengadakan skim penyusunan semula modal. Kunci kira-kira Vijayalaxmi Berhad sebelum dan selepas penyusunan semula modal adalah seperti berikut:

Vijayalaxmi Berhad

Kunci kira-kira (sebelum penyusunan semula modal)

| | |
|---|---|
| Modal Dibenarkan | $ |
| 800,000 Saham Biasa $1 | 800,000 |
| 300,000 10% Saham Terutama Kumulatif $2 | 600,000 |
| 50,000 10% Saham Terutama Penebusan Tanpa Kumulatif $2 | 100,000 |
| | 1,500,000 |
| Diterbitkan & Modal Berbayar | |
| 500,000 Saham Biasa dibayar 75 sen | 375,000 |
| 150,000 10% Saham Terutama Kumulatif dibayar $1 | 150,000 |
| 50,000 10% Saham Terutama Tanpa Kumulatif dibayar penuh | 100,000 |
| | 625,000 |
| Modal Berbayar | |
| Rizab | |
| Rizab Saham Premium | 100,000 |
| Perolehan Tertahan | 110,000 |
| Jumlah Modal Saham & Rizab | 835,000 |

...6/-

Ini diwakili oleh:

Aset Semasa

| | |
|---|---|
| Bank | 250,000 |
| Lain-Lain Aset Semasa | 200,000 |
| Tolak: Liabiliti Semasa | 150,000 |
| | 300,000 |
| Campur: Aset Tak Semasa | 735,000 |
| | 1,035,000 |
| Tolak: Liabiliti Tak SEmasa | 200,000 |
| Aset Bersih: | 835,000 |

Vijayalaxmi Berhad

Kunci kira-kira (Selepas penyusunan semula modal)

| Modal Dibenarkan | $ |
|---|---|
| 800,000 Saham Biasa 50 sen | 400,000 |
| 200,000 10% Saham Terutama Kumulatif $1 | 200,000 |
| 50,000 10% Saham Terutama Penebusan Tanpa Kumulatif $1 | 50,000 |
| | 650,000 |

...7/-

| | |
|---|---|
| Diterbitkan & Modal Berbayar | |
| 700,000 Saham Biasa dibayar penuh | 350,000 |
| 150,000 10% Saham Terutama Kumulatif dibayar 25 sen. | 37,500 |
| Modal Berbayar | 387,500 |
| Rizab | |
| Rizab Modal Penebusan | 100,000 |
| Perolehan Tertahan | 10,000 |
| Jumlah Modal Saham & Rizab | 497,500 |
| Ini diwakili oleh: | |
| Aset Semasa | |
| Bank | 25,000 |
| Lain-Lain Aset Semasa | 200,000 |
| Tolak: Liabiliti Semasa | 150,000 |
| | 75,000 |
| Campur: Aset Tak Semasa | 622,500 |
| | 697,500 |
| Tolak: Liabiliti Tak Semasa | 200,000 |
| Aset Bersih | 497,500 |

Nota: Tiada terdapat tunggakan dividen terutama.

...8/-

Diperlukan:

(i) Dengan secara ringkas, terangkan prosedur bagi melaksanakan pengurangan modal.

(ii) Sediakan catitan jernel yang berkenaan bagi merekod penyusunan semula modal di atas.

(iii) Terangkan efek skim atas setiap kelas saham.

(30 markah)

7. Kunci Kira-Kira Seperti Pada Mac 31, 1986

| | Zaini Berhad | Othman Berhad |
|---|---|---|
| | $ | $ |
| Modal Berbayar<br>9% Saham Terutama $1 | 150,000 | 80,000 |
| Saham Biasa $1 | 250,000 | 120,000 |
| Perolehan Diempang | 8,000 | 6,000 |
| Rizab Am | 3,500 | 7,000 |
| 10% Debentur | 24,000 | 18,000 |
| Gadaijanji Tanah & Bangunan | 10,000 | 12,000 |
| Peruntukan Cukai Pendapatan | 17,640 | 8,586 |
| Dividen Belum Bayar: | | |
| Saham Terutama | 13,500 | 7,200 |
| Saham Biasa | 25,000 | 18,800 |

...9/-

| | | |
|---|---|---|
| Akaun Belum Bayar & Akruan | 17,098 | 10,053 |
| Bil Belum Bayar | 4,673 | 6,240 |
| | 523,411 | 285,879 |
| Tanah & Bangunan | 110,000 | 54,750 |
| Susutnilai Terkumpul | (11,000) | (6,796) |
| Loji & Mesin | 260,000 | 114,500 |
| Susutnilai Terkumpul | (17,650) | (8,759) |
| Inventori | 82,076 | 43,319 |
| Akaun Belum Terima | 93,401 | 57,503 |
| Peruntukan Hutang Ragu | (8,764) | (5,674) |
| Saham Biasa Dalam Zaini Berhad | - | 11,000 |
| Bank | 2,650 | 23,036 |
| Muhibbah | 5,000 | 3,000 |
| Paten | 7,698 | - |
| | 523,411 | 285,879 |

Kunci kira-kira Syarikat Zaini Berhad dan Othman Berhad yang terdapat di atas telah bersetuju skim percantuman berikut:

(a) Badri Berhad akan ditubuhkan dengan modal dibenarkan sebanyak $2,000,000 berbentuk saham biasa berharga $1 setiap satu untuk mengambil alih aset ketara dan hak paten Zaini Berhad dan Othman Berhad.

...10/-

(b) Tunai secukupnya akan diberikan kepada setiap syarikat bagi memenuhi tuntutan berikut:

(i) Debentur
(ii) Dividen Belum Bayar
(iii) Bil Belum Bayar
(iv) Peruntukan Percukaian

(c) Semua liabiliti lain akan diambil alih oleh Badri Berhad.

(d) Pemegang saham terutama ditawarkan 3 saham dalam syarikat baru dibayar 35 sen se saham ataupun sebaliknya $1 se saham dibayar tunai. Nilai yang dipersetujui saham-saham tersebut adalah 40 sen. Pemilihan telah dibuat seperti berikut:

(i) Zaini Berhad - 50% menerima tunai

(ii) Othman Berhad - 40% menerima tunai

(e) Pemegang saham biasa menerima 2 saham dibayar 50 sen bagi setiap saham dipegang. Nilai yang dipersetujui ialah saham-saham tersebut adalah 65 sen.

(f) Pemegang saham terutama tidak berhak memperolehi sebarang saham lebihan semasa pembubaran maupun mereka dikehendaki menanggung sebarang kerugian saham.

(g) Saham dalam Zaini Berhad yang dipegang oleh Othman Berhad tidak mengambil bahagian di dalam skim.

Bagi tabungan untuk cadangan 250,000 saham diterbitkan dan dilanggan sepenuhnya atas harga $1 se saham. Perbelanjaan pembubaran yang berjumlah $2,400 bagi Zaini Berhad dan $1,800 bagi Othman Berhad dibayar oleh Badri Berhad.

Percantuman dilengkapkan pada Mac 31, 1986.

...11/-

<u>Dikehendaki</u>:

(i) Pertimbangan belian berkaitan setiap syarikat (tunjukkan perkiraan).

(ii) Catitan jernel bagi menutup buku Zaini Berhad.

(iii) Catitan jernel bagi menutup buku Badri Berhad.

(iv) Akaun pembubaran Othman Berhad (ceteraan tidak diperlukan).

(40 markah)

-oooOOOooo-